

# 100 pelajar kurang bernasib baik layak daftar ambilan pelajar baru UMS

**Sherell Ann Jeffrey DE 29.8.2016**  
KOTA KINABALU: Gembira namun gementar bercampur baur ialah bagaimana Ejieta Dona Thow menggambarkan perasaannya selepas dipilih menjadi antara 100 pelajar kurang bernasib baik yang layak mendaftar bagi pengambilan pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi sesi 2016/2017.

Sino Dusun berumur 20 dari Kg. Lugu, Pitas itu sangat gembira akan mendaftar sebagai mahasiswi Kesusasteraan (Seni Kreatif).

"Selepas menamatkan Tingkatan Enam, cikgu saya memberitahu kami agar melayari internet dan memohon bagi universiti, saya mengisi borang tersebut namun memandangkan telefon saya tidak berfungsi, saya meminta kawan untuk membantu menyemak permohonan atas talian saya dan mengetahui ia tidak berjaya," katanya.

"Kemudian, saya mendapat panggilan daripada UMS yang datang untuk melawat rumah saya dan saya mendapati bahawa saya merupakan antara empat pelajar lain di sekolah saya di SMK Pitas 2, yang terpilih bagi program tanggungjawab sosial korporat universiti.

"Sebelum itu, saya menerima satu mesej teks yang memaklumkan saya tawaran itu, saya sangat gembira dan terkejut lalu menangis semasa menerima berita gembira itu," katanya.

Ejieta, anak sulung daripada tiga adik-beradik, tinggal bersama datuk dan neneknya yang bergantung kepada ban-

tuai kebajikan, sejak ibu bapanya yang bekerja sebagai petani berpisah ketika dia masih kecil.

"Keluarga saya sangat gembira apabila mendengar berita itu, bapa saudara saya memberi RM400 untuk membeli barang keperluan.

"Datuk dan nenek serta ibu saya menemani saya semasa pendaftaran di UMS dan saya berasa sangat gementar ketika menghampiri pagar universiti, saya gementar kerana saya tidak jangka dapat pergi sejauh ini.

"Saya tidak pernah masuk ke UMS dan saya juga sangat takut, takut saya tidak dapat berjaya namun sokongan keluarga telah memberi saya semangat untuk maju ke hadapan.

"Ini peluang besar bukan sahaja kepada saya, tetapi juga bagi keluarga saya, sekarang ini kami tinggal di sebuah rumah yang tidak mempunyai bekalan air dan elektrik, saya mahu menggunakan tiga tahun ini untuk belajar bersungguh-sungguh dan mempunyai kehidupan yang lebih baik untuk keluarga saya," katanya.

Universiti Malaysia Sabah juga mendapat pujian daripada seorang pelajar asing berumur 19 tahun, Imran Amin, dari Pulau Lombok, Indonesia.

Dia merupakan antara 168 pelajar antarabangsa yang mendaftar dalam pengambilan pelajar baharu 2016/2017 universiti itu.

"Saya ingin menjadi ahli geologi yang baik, ahli geologi yang sangat berpengetahuan dan saya fikir UMS ialah antara tempat terbaik untuk belajar geologi," katanya.

Seperti kebanyakan pelancongan yang pertama kali ke Sabah, Imran yang ibunya iaitu rakyat Malaysia dari Johor dan ayah-

nya seorang warga Indonesia, menggambar Sabah sebagai satu tempat yang menarik dengan pantai yang indah dan pemandangan pergunungan.

"Sudah lama saya impikan untuk datang ke sini, dapat belajar di UMS semestinya impian yang menjadi kenyataan bagi saya," katanya.

Dia ditemani oleh ibunya dan sepupu berumur 11 tahun, Eizaqeal Hakim Sazmal Effead, yang ibu bapanya ialah pensyarah UMS.

"Dia sudah lama ingin datang ke sini dan akhirnya dia mencapai impiannya dan dapat belajar di UMS, saya sangat berbangga dengannya," kata Eizaqeal.



**IMRAN (kiri) bersama-sama ibunya, Rohamina dan sepupu, Eizaqeal.**